



CHAMIL WARIYA (depan, tiga dari kanan) bersama Pengarah Program SMED, Prof. Madya Dr. Mohd. Yahya Mohamed Ariffin (tiga dari kiri) bersama penceramah dan pelajar USIM semasa majlis perasmian Seminar Kebangsaan Media dan Dakwah 2014 di Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, semalam. -UTUSAN/ASWAD YAHYA

Wartawan Islam berperanan penting dalam dakwah

Oleh **AINOL AMRIZ ISMAIL**

utusanN9@utusan.com.my

SEREMBAN 9 Dis. - Wartawan Islam pada zaman ini sedang memegang peranan penting dalam dakwah apatah lagi ketika berhadapan cabaran perbezaan pendapat yang melampau dalam ilmu Islam.

Karyawan Tamu Fakulti Kimpimpinan dan Pengurusan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Datuk Chamil Wariya berkata, berbanding zaman lalu, golongan ulama pada abad ini telah kehilangan kuasa dan kawalan dalam pendidikan dan penyebaran agama Islam.

"Kewujudan media elektronik dan internet telah melonggarkan bentuk didikan tradisional sama ada dalam bentuk lisan, mahupun bacaan.

"Melalui internet dan media elektronik, ilmu agama Islam telah membanjiri masyarakat dunia. Media baharu itu, baik berbentuk sosial mahupun komersial, turut menukar secara radikal bagaimana dakwah dilakukan," katanya semasa Seminar Kebangsaan Media dan Dakwah di USIM, Nilai, dekat sini hari ini.

Beliau menyampaikan ucap-

tama bertajuk *Membina etika kewartawanan untuk menghadapi cabaran perbezaan pendapat dalam dakwah* sewaktu seminar bertemakan Dakwah Media Baharu: Cabaran dan Masa Hadapan.

Tambah Chamil, kesan dan fenomena itu tidak boleh diambil mudah kerana dakwah agama Islam hari ini berhadapan cabaran besar kerana telah muncul lebih ramai muslim mengakui diri mereka sebagai ilmuwan Islam.

"Sebahagian mereka membawa khabar kebangkitan dan pembaharuan ilmu agama Islam tanpa melalui didikan dan saringan ketat seperti ulama terdahulu.

"Walaupun semangat meluapluap golongan muda muslim itu dihargai, namun pemahaman cetek sesetengah mereka dalam agama telah menimbulkan kemelut besar dalam ilmu agama.

"Perbezaan pendapat yang keterlaluan dalam kalangan mereka telah melahirkan fitnah dan perpecahan dalam umat Islam. Dua perkara itu mesti dielakkan dan dirawat segera," ujarnya.

Chamil yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Institut Akhbar Malaysia (MPI) berpendapat,

wartawan Muslim termasuk yang menggelar diri mereka *citizen journalist* dan *blogger* wajib melibatkan diri dalam kemelut perbezaan pendapat.

"Untuk berhadapan cabaran itu, saya berpendapat wartawan mesti dilengkapi sebatang 'kayu pengukur' dalam setiap urusan dakwah. Kayu pengukur itu akan menjadi penentu untuk setiap penulisan, penyuntingan, penyebaran dan penerbitan berkaitan dengan ilmu agama Islam.

"Kayu pengukur itu jugalah akan mendidik wartawan tentang sikap dan kaedah perbezaan yang tertib dan adil," katanya.

Hakikatnya tambah beliau, usaha pembinaan etika kewartawanan itu memerlukan kerjasama erat dan mendalam antara ulama dan wartawan Muslim.

Chamil menegaskan, wartawan dan ulama hendaklah bekerjasama untuk menghasilkan panduan praktikal yang boleh dijadikan *guiding principles* untuk kalangan yang terbabit dalam kegiatan kewartawanan, tidak kira apa bentuk media yang hendak digunakan, baharu mahupun konvensional.